



---

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2017

---

### PINDAAN HAD KUASA PENERIMAAN ASET/INVENTORI WAKAF DAN ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

**Pejabat Bendahari**  
06 April 2017

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 7 (4)

06 April 2017

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 4/2017**

### **PINDAAN HAD KUASA PENERIMAAN ASET/INVENTORI WAKAF DAN ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan tentang Pindaan Had Kuasa Penerimaan Aset/Inventori Wakaf Dan Endowmen bagi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

#### **2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Universiti amat mengalu-alukan sumbangan wakaf dan endowmen termasuk dalam bentuk aset/inventori dari pihak luar iaitu industri/syarikat, swasta, badan korporat, orang perseorangan dan lain-lain dalam usaha merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu seperti penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran dan sebagainya di UTeM.
- 2.2 Bagi tujuan penerimaan hadiah dan derma, garis panduan Tatacara Penerimaan Hadiah/Derma Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu Pekeliling Bendahari Bil. 2/2011 telah dikeluarkan pada 28 Februari 2011. Pekeliling ini menggariskan prosedur penerimaan hadiah/derma daripada pihak luar termasuk kuasa penerimaan hadiah.
- 2.3 Manakala Pekeliling Penubuhan Tabung Endowmen/Wakaf UTeM dan Tabung Sumbangan UTeM (Pekeliling Bendahari Bilangan 2/2013) telah dikeluarkan pada 30 Julai 2013. Namun pekeliling ini tidak meliputi penerimaan aset dan inventori bagi pemberian wakaf serta endowmen.

### **3.0 PINDAAN HAD KUASA MELULUSKAN PENERIMAAN ASET/INVENTORI WAKAF DAN ENDOWMEN**

3.1 Cadangan pindaan ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam mesyuarat JTK Bil. 1/2017 dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Universiti (LPU) Bil. 1/2017. Ini adalah bertujuan:

3.1.1 **Memudahkan dan mempercepatkan prosedur penerimaan aset/inventori wakaf dan endowmen yang disumbangkan oleh pihak luar.**

3.1.2 Sebagai salah satu usaha menggalakkan pihak luar memberikan sumbangan wakaf dan endowmen kepada Universiti.

3.2 Pindaan kuasa melulus yang baru adalah seperti di bawah.

3.2.1 Naib Canselor – penerimaan sumbangan wakaf/endowmen keseluruhan bagi jumlah RM50,000.00 dan ke atas.

3.2.2 Timbalan Naib Canselor – bagi sumbangan wakaf/endowmen tidak melebihi RM50,000.00.

#### **Jadual Perubahan Had Kuasa Melulus Penerimaan Aset/Inventori Sumbangan Wakaf Dan Endowmen**

<b>JUMLAH</b>	<b>KUASA MELULUS ASAL</b>	<b>KUASA MELULUS BARU</b>
Melebihi RM200,000	Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	Naib Canselor
RM50,000- RM200,000	Naib Canselor	Naib Canselor
Tidak melebihi RM50,000	Timbalan Naib Canselor	Timbalan Naib Canselor

3.3 Carta alir had kuasa penerimaan hadiah/wakaf/endowmen adalah seperti di **Lampiran**.

3.4 Pemberian aset bagi tujuan wakaf atau endowmen perlu direkodkan berasingan dari pemberian hadiah untuk tujuan pelaporan.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan berkuat kuasa serta merta sehingga dimaklumkan dan dirujuk bersama-sama Tatacara Penerimaan Hadiah/Derma Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pekeliling Bendahari Bil. 2/2011).
- 4.2 Penerimaan aset dan inventori bagi wakaf serta endowmen adalah merujuk kepada Tatacara Penerimaan Hadiah/Derma Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kecuali berkaitan had kuasa meluluskan penerimaan wakaf dan inventori bagi aset/inventori perlu merujuk para 3.2 di atas seperti Surat Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

#### **“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DA/UPP/2017

**Had Kuasa Penerimaan Hadiah, Wakaf & Endowmen bagi  
Aset/Inventori Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

